



MAKLUM BALAS MEDIA JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

46,000 PENIPU IDENTITI, WARGA ASING MOHON KERJA SEKTOR AWAM

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merujuk kepada artikel bertajuk “46,000 penipu identiti, warga asing mohon kerja sektor awam” di akhbar Berita Harian pada 3 April 2023 (Isnin).

Berhubung laporan tersebut ingin dijelaskan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) merupakan salah satu agensi yang diberikan kemudahan akses kepada Sistem myIDENTITY milik JPN. Sistem myIDENTITY mula diperkenalkan pada tahun 2012 telah dapat membantu SPA mengenal pasti maklumat sahih individu yang memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Pengintegrasian sistem ini juga membolehkan SPA melaksanakan semakan pengesahan taraf kewarganegaraan pemohon yang mana ianya merupakan keperluan wajib kerana jawatan di dalam sektor awam adalah dikhaskan untuk rakyat Malaysia sahaja.

JPN sentiasa berhubung dan berkerjasama dengan pihak SPA sekiranya didapati pemohon mengemukakan maklumat tidak tepat dan melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan dokumen pengenalan diri di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan ini.

Sebagai makluman, JPN telah menyediakan kemudahan Sistem myIDENTITY kepada agensi-agensi Kerajaan bagi tujuan perkongsian data asas individu. Kemudahan yang dibangunkan oleh JPN ini membolehkan agensi yang mendapat akses kepada sistem ini membuat semakan silang antara data pelanggan agensi dengan data JPN untuk mengesahkan kesahihan maklumat peribadi pelanggan berkenaan. Sehingga kini sebanyak 51 agensi diberikan akses kepada sistem ini.

Manakala bagi agensi yang tidak mempunyai akses, semakan data boleh dilaksanakan dengan memohon kepada pihak JPN mengikut keperluan. JPN sentiasa membantu dan bekerjasama dengan pihak agensi dalam melaksanakan pengesahan kesahihan maklumat peribadi agar cubaan salah guna dokumen pengenalan diri yang dikeluarkan oleh JPN dalam perkhidmatan agensi dapat dibanteras.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA 4 APRIL 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

*Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*